

04 SEP 2001
DAEWOO-LAWAT
KETUA DAEWOO TEMUI PM

PUTRAJAYA, 4 Sept (Bernama) -- Presiden Daewoo Motor Company dari Korea Selatan, Kim Woo-Choon hari ini menemui Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di pejabat Perdana Menteri di Putrajaya.

Kim yang mengetuai pembuat kereta ketiga terbesar di Korea Selatan memberi taklimat kepada Perdana Menteri mengenai isu-isu berkaitan syarikatnya serta industri automotif dunia.

Dalam pertemuan yang singkat dengan Perdana Menteri itu, Kim memperkatakan mengenai kesediaan pembuat kereta Asia dalam menghadapi cabaran yang dijangkakan berikutan pelaksanaan sepenuhnya Kawasan Perdagangan Bebas Asean (AFTA).

Kim menunjukkan kebimbangan mengenai Daewoo Motor Company yang bermasalah di Seoul.

Menurut laporan akhbar hari ini, 31 Ogos yang merupakan tarikh akhir untuk menjual Daewoo Motor Company kepada General Motors (GM) telahpun berlalu tanpa sebarang keputusan dibuat.

-- BERNAMA
MFZ KTC NHD